



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 64  
No. 27

**31hb Disember 2020**

*TAMBAHAN No. 3  
ENAKMEN*

---

---

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada hari yang kesembilan belas dalam bulan Oktober 2020 dan telah diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri pada hari kedua puluh enam dalam bulan November 2020, adalah disiarkan mengikut kuasanya syarat-syarat Perkara 26 dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang:

The following Enactments, passed by the State Legislative Assembly of the State of Penang on the nineteenth day of October 2020 and assented to by His Excellency the Yang di-Pertua Negeri on the twenty six day of November 2020, is published in accordance with the provisions of Article 26 of the Constitution of the State of Penang:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 23	Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 Poultry Farming (State of Penang) Enactment 2020
Enakmen 24	Enakmen Lembaga Muzium (Negeri Pulau Pinang) 2020 Museum Board (State of Penang) Enactment 2020





# **UNDANG-UNDANG NEGERI PULAU PINANG**

## **Enakmen 23**

**ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2020**

Tarikh Persetujuan DiRaja ... .. 26 November 2020

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... .. 31 Disember 2020

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

# UNDANG-UNDANG NEGERI PULAU PINANG

## Enakmen 23

### ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU PINANG) 2020

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

##### BAHAGIAN II

##### SISTEM PENTERNAKAN MODEN

3. Pematuhan kepada Sistem Penternakan Moden

##### BAHAGIAN III

##### PELESENAN

4. Keperluan bagi lesen
5. Permohonan lesen
6. Maklumat atau dokumen tambahan
7. Pengeluaran lesen
8. Kuasa untuk mengenakan syarat
9. Tempoh lesen
10. Mempamerkan dan mengemukakan lesen
11. Pembaharuan lesen

Seksyen

12. Pindah milik atau serah hak lesen
13. Penggantungan lesen
14. Pembatalan lesen
15. Menyerah balik lesen
16. Kesan tidak memperbaharui, menggantung atau membatalkan lesen

BAHAGIAN IV

RAYUAN

17. Rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri

BAHAGIAN V

KUASA PENGARAH

18. Kuasa Pengarah

BAHAGIAN VI

KESALAHAN

19. Membuang atau melepaskan sisa unggas
20. Melepaskan atau mengeluarkan bau busuk atau tidak enak
21. Membiak lalat, serangga atau makhluk perosak
22. Menggunakan ubat dilarang atau menyalahgunakan ubat
23. Mengangkut unggas
24. Unggas merayau
25. Perisytiharan palsu
26. Halangan untuk menggeledah

BAHAGIAN VII

KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN

27. Pegawai diberi kuasa
28. Kad kuasa

Seksyen

29. Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan
30. Kuasa menangkap
31. Pegawai diberi kuasa boleh meminta bantuan awam
32. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
33. Kuasa untuk memasuki ladang unggas
34. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
35. Kuasa untuk menutup ladang unggas
36. Senarai benda yang disita
37. Perintah menahan unggas, dsb., yang disita
38. Perintah berhubung dengan unggas, dsb., yang disita
39. Kos menyimpan unggas, dsb., yang disita
40. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan semula

#### BAHAGIAN VIII

##### KUASA SAMPINGAN MAHKAMAH

41. Kesalahan kedua atau berikutnya
42. Pelupusan unggas, dsb. yang digunakan atau berhubung kesalahan
43. Perobohan ladang unggas

#### BAHAGIAN IX

##### AM

44. Kesalahan oleh pemunya atau penghuni tanah
45. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
46. Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat

Seksyen

47. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengecualikan
48. Pengkompaunan kesalahan
49. Pemulaan pendakwaan
50. Pematuhan kepada undang-undang bertulis lain
51. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
52. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
53. Penalti untuk peraturan-peraturan
54. Penyampaian dokumen
55. Peruntukan peralihan



**UNDANG-UNDANG NEGERI PULAU PINANG****Enakmen 23****ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2020**

DIPERKENANKAN,

(MOHOR KERAJAAN)

TUN DATO' SERI UTAMA  
(DR.) HAJI ABDUL RAHMAN  
BIN HAJI ABBAS  
*Yang di-Pertua Negeri*

10 Rabiulakhir 1442  
26 November 2020

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan peraturan-peraturan bagi perladangan unggas dan perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERUNDANGKAN** oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang seperti yang berikut:

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

### **Tafsiran**

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti yang berkaitan dengan unggas” ertinya pemrosesan unggas dan sisa unggas atau aktiviti lain sebagaimana ditentukan oleh Pengarah melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

“Amalan Ladang Penternakan Yang Baik” ertinya amalan untuk mencapai matlamat berikut:

- (a) Keselamatan makanan untuk pengguna;
- (b) Industri yang mesra alam;
- (c) Kebajikan haiwan terpelihara; dan
- (d) Memastikan keselamatan, kesihatan dan keselesaan kepada pekerja ladang dan haiwan;

“fi yang ditetapkan” ertinya fi yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan di bawah Enakmen ini;

“karkas unggas” ertinya bangkai, atau sebahagian daripada bangkai, mana-mana unggas yang mati disembelih atau dengan cara lain;

“Kerajaan Negeri” ertinya Kerajaan Negeri Pulau Pinang;

“kumbahan sifar” ertinya pelepasan efluen atau air buangan yang tidak dibenarkan dari ladang unggas ke alur air, dan bagi ladang unggas yang perlu pelepasan, efluen ternakan itu hendaklah mematuhi had pelepasan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*];

“ladang unggas” ertinya mana-mana tempat di mana perladangan unggas dijalankan termasuk tempat yang digunakan untuk menyimpan unggas, membiak atau menternak unggas atau menjalankan mana-mana aktiviti berkaitan dengan penternakan unggas;

“lesen” ertinya suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini;

“loji” ertinya mana-mana tempat di mana pemprosesan unggas dijalankan;

“mahkamah” ertinya sebagaimana ditafsirkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*];

“Negeri” ertinya Negeri Pulau Pinang;

“ofal” termasuklah usus, perut, jantung, hati, paru-paru, limpa, ginjal, hempedal, darah atau mana-mana bahagian dalaman lain unggas;

“pembiakan” termasuklah—

- (a) penyimpanan unggas pembiak;
- (b) penternakan unggas pembiak;
- (c) pengeluaran telur tetasan; dan
- (d) pengeluaran anak unggas umur sehari;

“pemprosesan unggas” termasuklah—

- (a) menyembelih, membuang bulu, membuang tulang atau membuang isi perut unggas;
- (b) memotong unggas yang telah disembelih kepada bahagian-bahagian; dan
- (c) melakukan apa-apa perbuatan ke arah penyediaan unggas bagi pengilangan dan mengeluarkan produk sampingan daging unggas untuk dijual;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa oleh Pengarah di bawah subseksyen 27(1) Enakmen ini;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah Enakmen ini;

“pemunya” yang berhubungan dengan unggas, ertinya mana-mana orang yang memiliki unggas atau bertanggungjawab bagi penjagaan, pengurusan, penternakan, pembiakan atau penyimpanan unggas;

“Pengarah” ertinya Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Negeri Pulau Pinang;

“peraturan–peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 52 Enakmen ini;

“perladangan unggas” ertinya melakukan mana-mana satu atau lebih aktiviti yang berikut:

- (a) Menternak unggas pedaging;
- (b) Menternak unggas penelur;
- (c) Menternak unggas pembiak;
- (d) Mengendalikan tempat penetasan; dan
- (e) Menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan unggas;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, dan bagi maksud penjalanan kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Enakmen ini, dijalankan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang;

“produk sampingan daging unggas” termasuklah nuget, bebola daging, sosej dan produk seumpama yang lain tetapi tidak termasuk ofal dan sisa unggas;

“reban tertutup” ertinya reban yang keseluruhan bahagiannya bertutup rapat kecuali di bahagian untuk udara keluar masuk;

“sisa unggas” termasuklah—

- (a) tahi, urin, tinja, ekskreta dan bulu;
- (b) sisa makanan, kulit telur dan telur tembelang;
- (c) air yang digunakan untuk membersihkan unggas atau ladang unggas atau bagi mencurah longkang dan saluran;
- (d) habuk papan, reja papan dan bahan penyerap lain yang digunakan sebagai alas di atas lantai ladang unggas; dan
- (e) bahagian unggas yang lazimnya tidak dimakan oleh manusia;

“tempat penetasan” ertinya mana-mana premis yang digunakan untuk tujuan pengeraman dan tetasan telur-telur bernas bagi menghasilkan anak unggas umur sehari;

“ubat” ertinya apa-apa bahan atau campuran yang digunakan secara dalaman atau luaran bagi maksud rawatan, profilaktik atau penggalak pertumbuhan atau bagi maksud mengubahsuaikan fungsi fisiologi atau tingkah laku unggas;

“unggas” termasuk ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta dan burung emu daripada apa-apa jantina, umur, baka atau generasi yang mana-mana burung lain yang ditentukan oleh Pengarah melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

“unggas pembiak” ertinya mana-mana unggas jantan atau betina daripada pelbagai umur dan generasi yang digunakan untuk mengeluarkan telur bernas dan anak unggas umur sehari; dan

“zon penamparan” ertinya zon yang merupakan jarak garis lurus di antara lokasi tapak dengan rumah kediaman, sekolah, klinik, tempat beribadat dan tempat awam lain yang terdapat dalam jarak minima dari hujung ladang atau infrastruktur yang digunakan untuk ladang unggas sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah.

## BAHAGIAN II

## SISTEM PENTERNAKAN MODEN

**Pematuhan kepada Sistem Penternakan Moden**

3. Semua ladang unggas hendaklah mematuhi Sistem Penternakan Moden yang mengandungi kriteria-kriteria yang berikut:

- (a) Kandang tertutup;
- (b) Kumbahan sifar;
- (c) Zon penampan; dan
- (d) Amalan Ladang Penternakan Yang Baik yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 52(2)(a).

## BAHAGIAN III

## PELESENAN

**Keperluan bagi lesen**

4. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan atau menjalankan penternakan unggas melainkan jika dia memegang suatu lesen yang sah yang diberikan di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Permohonan lesen**

5. (1) Suatu permohonan bagi lesen hendaklah dibuat kepada Pengarah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat yang difikirkan perlu oleh Pengarah dan berkaitan dengan permohonan itu.

### **Maklumat atau dokumen tambahan**

**6.** (1) Pengarah boleh, secara bertulis, pada bila-bila masa selepas permohonan di bawah seksyen 5 diterima, mengarahkan pemohon supaya memberikan maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan kepada Pengarah dalam tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu.

(2) Jika apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang ditentukan dalam permintaan itu, atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pengarah, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik, tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat suatu permohonan baru.

### **Pengeluaran lesen**

**7.** (1) Pengarah boleh, selepas menerima permohonan bagi lesen di bawah seksyen 5 dan maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan yang diberikan di bawah seksyen 6, mengeluarkan atau enggan untuk mengeluarkan lesen itu.

(2) Jika permohonan lesen itu diluluskan oleh Pengarah, lesen itu hendaklah dikeluarkan atas nama pemohon apabila dibayar fi yang ditetapkan.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengkaji semula atau membatalkan mana-mana kelulusan lesen yang diberikan oleh Pengarah di bawah seksyen ini.

### **Kuasa untuk mengenakan syarat**

**8.** (1) Pengarah boleh melampirkan pada lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 7 apa-apa syarat sebagaimana dia fikirkan patut, dan khususnya, apa-apa syarat yang Pengarah anggap wajar bagi kepentingan awam.

(2) Pengarah boleh, pada bila-bila masa menurut budi bicaranya, menambah, membatalkan atau mengubah apa-apa syarat yang dilampirkan pada lesen di bawah seksyen ini.

(3) Pemegang lesen yang gagal mematuhi apa-apa syarat yang dilampirkan pada lesennya melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Tempoh lesen**

9. Sesuatu lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui di bawah Enakmen ini hendaklah berkuat kuasa selama tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

### **Mempamerkan dan mengemukakan lesen**

10. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah—

- (a) mempamerkan lesennya di suatu tempat yang mudah dilihat di ladang ungasnya; dan
- (b) mengemukakan, apabila diminta oleh pegawai diberi kuasa, lesen yang dikeluarkan kepadanya untuk pemeriksaan.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Pembaharuan lesen**

11. (1) Seseorang pemegang lesen boleh memohon untuk memperbaharui lesennya mengikut cara dan bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah memberikan kepada Pengarah apa-apa maklumat yang difikirkan perlu oleh Pengarah dan berkaitan bagi permohonan itu.

(3) Pengarah boleh, apabila menerima suatu permohonan bagi pembaharuan lesen di bawah subseksyen (1), memperbaharui lesen atau menolak untuk memperbaharui lesen itu.



(4) Jika suatu permohonan untuk pembaharuan lesen diluluskan oleh Pengarah, lesen itu hendaklah diperbaharui apabila dibayar fi yang ditetapkan melalui permohonan yang dibuat di bawah Enakmen ini dan Pengarah boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat lain sebagaimana yang Pengarah fikirkan perlu.

### **Pindah milik atau serah hak lesen**

**12.** (1) Pemberian lesen di bawah Enakmen ini hendaklah atas kapasiti perseorangan bagi pemegang lesen, yang tidak boleh diserahkan atau dipindah milik kepada mana-mana orang lain kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Penggantungan lesen**

**13.** (1) Pengarah boleh, dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada pemegang lesen, menggantung suatu lesen selama tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah dalam mana-mana keadaan yang berikut:

- (a) Pemegang lesen telah gagal mematuhi apa-apa peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;
- (b) Pemegang lesen telah melanggar apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen itu; atau
- (c) Pemegang lesen telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Jika lesen digantung di bawah subseksyen (1), Pengarah boleh menghendaki supaya pemegang lesen itu memperbetulkan pelanggaran atau kemungkiran itu dalam tempoh yang ditentukan oleh Pengarah.

**Pembatalan lesen**

**14.** (1) Pengarah boleh, dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada pemegang lesen, membatalkan suatu lesen dalam mana-mana keadaan yang berikut:

(a) Lesen telah diperolehi secara fraud atau salah nyata; atau

(b) Pemegang lesen gagal memperbetulkan alasan bagi penggantungan atau mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa alasan bagi penggantungan itu tidak akan berulang dalam tempoh penggantungan.

(2) Pengarah boleh melarang seseorang pemegang lesen daripada memohon lesen yang lain sebelum habisnya tempoh lesen yang dibatalkan itu.

**Menyerah balik lesen**

**15.** (1) Semasa penggantungan atau pembatalan, pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesen kepada Pengarah tidak lewat daripada empat belas hari dari tarikh notis penggantungan atau pembatalan itu disampaikan kepadanya.

(2) Pengarah hendaklah memulangkan lesen yang digantung kepada pemegang lesen selepas berakhir tempoh penggantungan itu.

**Kesan tidak memperbaharui, menggantung atau membatalkan lesen**

**16.** (1) Jika sesuatu lesen tidak diperbaharui di bawah seksyen 11, digantung di bawah seksyen 13, atau dibatalkan di bawah seksyen 14, pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta berhenti mengendalikan atau menjalankan penternakan unggas.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pengarah boleh, pada bila-bila masa selepas tidak memperbaharui, penggantungan atau pembatalan sesuatu lesen, memberikan arahan bertulis kepada pemegang lesen yang difikirkannya perlu demi kepentingan kesihatan dan keselamatan awam.

(3) Seseorang pemegang lesen yang lesennya—

- (a) digantung, dibatalkan atau tidak diperbaharui, hendaklah tidak berhak kepada apa-apa pampasan bagi apa-apa kerugian yang disebabkan kepadanya oleh penggantungan, pembatalan atau hal tidak memperbaharui lesen itu; atau
- (b) dibatalkan,

hendaklah tidak berhak kepada apa-apa pembayaran balik fi lesen yang telah dibayar di bawah seksyen 7.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) dan (2) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau keduanya.

#### BAHAGIAN IV

#### RAYUAN

#### **Rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri**

**17.** (1) Mana-mana orang yang terkilan—

- (a) dengan keengganan Pengarah untuk mengeluarkan atau memperbaharui apa-apa lesen; atau
- (b) dengan penggantungan atau pembatalan apa-apa lesen,

boleh dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dimaklumkan secara bertulis berkenaan dengan keengganan, penggantungan atau pembatalan itu, merayu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri terhadap keputusan itu.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, selepas menimbangkan rayuan di bawah subseksyen (1), membenarkan atau menolak keputusan yang dirayu terhadapnya.

## BAHAGIAN V

## KUASA PENGARAH

**Kuasa Pengarah**

18. Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk menetapkan apa-apa arahan yang difikirkan perlu secara bertulis pada bila-bila masa dan di mana-mana ladang unggas mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa.

## BAHAGIAN VI

## KESALAHAN

**Membuang atau melepaskan sisa unggas**

19. Seseorang pemegang lesen yang gagal mengambil langkah bagi mencegah—

- (a) pembuangan mana-mana karkas unggas dan ofal atau sisa unggas;
- (b) pelepasan sisa unggas yang tidak dirawat; atau
- (c) pelepasan sisa unggas yang dirawat tetapi tidak mematuhi standard yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan ke dalam mana-mana sungai, anak sungai, parit, air darat, saluran pengairan dari ladang unggasnya,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Melepaskan atau mengeluarkan bau busuk atau tidak enak**

20. Seseorang pemegang lesen yang gagal mencegah pelepasan atau pengeluaran—

- (a) bau atau asap yang busuk atau tidak enak daripada ladang unggasnya; atau

- (b) debu dari ladang unggasnya, yang mungkin menyebabkan kacau ganggu atau bahaya kepada kesihatan awam atau kemudaratan kepada harta awam,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Membiak lalat, serangga atau makhluk perosak**

**21.** Seseorang pemegang lesen yang gagal untuk—

- (a) menjaga dan menyelenggara kebersihan am ladang unggasnya pada setiap masa; atau
- (b) mengambil langkah-langkah untuk mencegah apa-apa keadaan yang menggalakkan pembiakan lalat, serangga atau makhluk perosak yang boleh menjadi punca kemudaratan kesihatan atau kacau ganggu awam,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Menggunakan ubat dilarang atau menyalahgunakan ubat**

**22.** Seseorang pemegang lesen yang menggunakan di dalam ladang unggasnya—

- (a) apa-apa ubat yang dilarang oleh pihak berkuasa; atau
- (b) apa-apa ubat dengan cara yang boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan awam, sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta Racun 1952 [*Akta 366*] dan Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Akta Makanan Haiwan 2009 [*Akta 698*], atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Mengangkut unggas**

**23.** Mana-mana orang yang mengangkut mana-mana unggas di atas jalan menggunakan apa-apa kenderaan selain daripada kenderaan yang diluluskan oleh Pengarah, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Unggas merayau**

**24.** (1) Seorang pemegang lesen atau pemunya yang membiarkan unggasnya merayau keluar dari ladang unggasnya, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap ekor unggas.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

- (a) jumlah denda yang dikenakan itu tidak boleh melebihi tiga puluh ribu ringgit; dan
- (b) pemegang lesen atau pemunya yang bersalah melakukan kesalahan di bawah seksyen ini juga hendaklah didenda untuk membayar perbelanjaan bagi mengalih unggas yang merayau itu dan membaiki apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh unggas itu.

**Perisytiharan palsu**

**25.** (1) Mana-mana orang yang membuat, secara lisan atau bertulis, menandatangani atau memberikan apa-apa perisytiharan, penyata, perakuan atau dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki di bawah Enakmen ini yang tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan mengenai apa-apa butiran, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang—

- (a) tanpa kuasa yang sah mengubah, memalsukan, mencatitkan atau merosakkan apa-apa lesen; atau
- (b) menggunakan apa-apa lesen yang diketahuinya telah diubah, dipalsukan, dicatitkan atau dirosakkan,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Halangan untuk mengeledah**

**26.** Mana-mana orang yang—

- (a) enggan memberi mana-mana pegawai diberi kuasa akses kepada mana-mana ladang unggas yang pegawai diberi kuasa itu berhak kepadanya di bawah Enakmen ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini;
- (b) menyerang, menghalang, menggalang atau melengahkan mana-mana pegawai diberi kuasa dalam membuat apa-apa kemasukan yang pegawai diberi kuasa itu berhak membuatnya di bawah Enakmen ini, atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini; atau
- (c) enggan memberi mana-mana pegawai diberi kuasa apa-apa maklumat yang berhubungan dengan suatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Enakmen ini atau apa-apa maklumat lain yang boleh dikehendaki secara munasabah daripadanya dan yang ada dalam pengetahuan atau kuasanya untuk memberikannya,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN VII

## KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN

**Pegawai diberi kuasa**

**27.** (1) Pengarah boleh, secara bertulis, memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam untuk melaksanakan kuasa penguatkuasaan di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana pegawai diberi kuasa sedemikian hendaklah disifatkan sebagai seorang penjawat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

**Kad kuasa**

**28.** (1) Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu kad kuasa kepada setiap pegawai diberi kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Pengarah.

(2) Seseorang pegawai yang diberi kuasa menjalankan mana-mana kuasa di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, dia hendaklah mengemukakan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1) kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan apabila diminta untuk memperkenalkan diri.

**Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan**

**29.** Pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai semua kuasa seorang pegawai, tidak kira apa jua pangkat sebagaimana yang diperuntukkan kepadanya di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran, yang berhubungan dengan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan, dan kuasa itu hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini.

**Kuasa menangkap**

**30.** (1) Seorang pegawai diberi kuasa, atau pegawai polis, boleh menangkap dengan waran mana-mana orang yang dia percaya dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini.



(2) Seorang pegawai diberi kuasa yang membuat tangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah, dalam satu tempoh yang munasabah menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada pegawai polis yang paling hampir atau, jika tiada pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang paling hampir, dan selepas itu orang itu hendaklah diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa seolah-olah dia ditangkap oleh seorang pegawai polis.

### **Pegawai diberi kuasa boleh meminta bantuan awam**

**31.** Seorang pegawai diberi kuasa boleh, selepas memperkenalkan dirinya, meminta bantuan daripada mana-mana orang awam semasa menjalankan fungsinya di bawah Enakmen ini, jika perlu.

### **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**32.** Jika seseorang pegawai diberi kuasa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan untuk mendapatkan waran geledah di bawah seksyen 56 Kanun Tatacara Jenayah, penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan mungkin diganggu, dialihkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai diberi kuasa itu boleh memasuki ladang unggas dan menjalankan semua kuasa yang disebut dalam seksyen 56 Kanun Tatacara Jenayah seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

### **Kuasa untuk memasuki ladang unggas**

**33.** Seorang pegawai diberi kuasa boleh, pada bila-bila masa memasuki mana-mana ladang unggas bagi maksud—

- (a) memeriksa mana-mana unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain yang difikirkannya perlu;
- (b) menentusahkan ketepatan rekod, pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada pegawai diberi kuasa; atau

- (c) mengambil sampel mana-mana unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain yang dijumpai di dalam ladang unggas yang difikirkannya perlu bagi maksud menentukan, melalui ujian atau sebaliknya, sama ada suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Enakmen ini.

### **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

34. (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh, melalui perintah bertulis, menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang pada pendapat pegawai diberi kuasa itu mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika mana-mana orang enggan atau tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan keengganan atau ketidakhadiran itu kepada seorang Majistret untuk mengeluarkan suatu waran bagi memaksa kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

### **Kuasa untuk menutup ladang unggas**

35. (1) Jika terpakai dan oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak munasabah untuk memindahkan mana-mana unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain yang berada di dalam ladang unggas, pegawai diberi kuasa itu hendaklah, dengan apa-apa cara, menutup ladang unggas itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pemunya atau penghuni ladang unggas itu hendaklah bertanggungjawab bagi penjagaan umum atau kebajikan unggas, keseluruhan penyelenggaraan dan penyimpanan selamat mana-mana unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain yang telah ditutup di dalam ladang unggas.

(3) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (1) atau memindahkan unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain yang dilak, atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Senarai benda yang disita**

**36.** (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Enakmen ini, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain yang disita itu dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada pemunya atau penghuni ladang unggas di mana apa-apa unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain yang disita itu dijumpai.

(3) Jika penyitaan itu dibuat di dalam atau dari mana-mana ladang unggas yang tidak diduduki, pegawai diberi kuasa itu hendaklah menampalkan senarai benda yang disita itu dalam tempoh yang munasabah selepas penyitaan itu dibuat supaya mudah dilihat di atau pada ladang unggas itu.

### **Perintah menahan unggas, dsb., yang disita**

**37.** Seseorang pegawai diberi kuasa boleh memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah untuk menahan mana-mana unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, atau benda lain yang telah disita yang berkenaan dengan kesalahan di bawah Enakmen ini sehingga selesai prosiding jenayah itu.

### **Perintah berhubung dengan unggas, dsb., yang disita**

**38.** (1) Jika atas permohonan oleh seseorang pegawai diberi kuasa, mahkamah berpuas hati bahawa, mana-mana unggas, bahan atau benda lain yang disita di bawah Enakmen ini—

- (a) adalah tertakluk kepada pereputan yang cepat dan semula jadi yang sifatnya tidak tahan lama;
- (b) boleh susut nilai dalam tempoh masa yang singkat;
- (c) boleh mati dalam masa yang singkat kerana keadaan fizikalnya yang merosot;
- (d) merupakan bahan yang berbahaya, bertoksik, memudaratkan atau beracun seperti dadah yang diharamkan dan berbahaya, karkas atau daging yang memudaratkan dan beracun; atau
- (e) boleh menyebabkan jagaan yang tidak munasabah akibat perbelanjaan atau kesusahan yang tidak dapat dijangka,

mahkamah itu boleh membuat suatu perintah untuk unggas, bahan atau benda lain tersebut dimusnahkan atau selainnya dilupuskan mengikut cara yang difikirkan sesuai, dan hasil jualan itu, jika ada, hendaklah disimpan oleh mahkamah sehingga selesai prosiding jenayah itu.

(2) Mahkamah boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) jika—

- (a) pemunya atau pemegang lesen itu telah diberi peluang untuk didengar; atau
- (b) mahkamah berpuas hati bahawa adalah tidak dapat dilaksanakan secara munasabah untuk menghubungi pemunya atau pemegang lesen.

(3) Jika mahkamah membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh memerintahkan seseorang untuk membayar apa-apa perbelanjaan bagi menjalankan perintah itu.

### **Kos menyimpan unggas, dsb., yang disita**

**39.** Jika mana-mana unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain disita di bawah Enakmen ini dipegang dalam jagaan oleh Pengarah sementara menunggu

penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, jika mana-mana orang disabitkan dengan kesalahan itu, menjadi hutang yang kena bayar kepada Kerajaan Negeri oleh orang itu dan hendaklah dikutip semula dengan sewajarnya.

**Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan semula**

40. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan mana-mana unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain yang disita pada menjalankan atau berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini, berhak untuk mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relif lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

BAHAGIAN VIII

KUASA SAMPINGAN MAHKAMAH

**Kesalahan kedua atau berikutnya**

41. Mana-mana orang yang bersalah untuk kali kedua atau berikutnya atas kesalahan yang sama di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua kali jumlah denda asal untuk kesalahan itu atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun.

**Pelupusan unggas, dsb., yang digunakan atau berhubung kesalahan**

42. (1) Jika seseorang telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, mahkamah boleh mengarahkan apa-apa unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain yang berhubungan dengan kesalahan itu dan hasil mana-mana jualan, jika ada, dilupuskan, dan dimusnahkan atau diuruskan dengan cara yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Apabila apa-apa unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain berhubungan dengan kesalahan itu disita di bawah Enakmen ini tetapi orang yang dituduh melakukan kesalahan itu tidak diketahui atau tidak boleh dijumpai, mahkamah boleh, jika ia berpuas hati bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, memerintahkan apa-apa unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain yang berhubungan dengan kesalahan itu, dilupuskan.

(3) Jika terdapat apa-apa hasil daripada jualan item yang berhubungan dengan kesalahan itu yang disita di bawah Enakmen ini, mahkamah boleh, jika ia berpuas hati bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, memerintahkan apa-apa hasil itu dijadikan sebagai hasil Kerajaan Negeri.

### **Perobohan ladang unggas**

**43.** (1) Jika seseorang itu disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, mahkamah boleh memerintahkan orang yang disabitkan itu supaya memberhentikan operasi penternakan unggas, dan ladang unggas itu dirobohkan oleh orang yang disabitkan itu, atau oleh pegawai diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis.

(2) Jika perobohan itu dijalankan oleh pegawai diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis, Pengarah boleh menghendaki orang yang disabitkan itu untuk membayar apa-apa perbelanjaan munasabah yang ditanggung dalam perobohan itu.

## BAHAGIAN IX

### AM

### **Kesalahan oleh pemunya atau penghuni tanah**

**44.** Seseorang pemunya atau penghuni mana-mana tanah yang membenarkan penternakan unggas secara tidak sah di atas tanahnya, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**45.** Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, mana-mana orang yang pada masa perlakuan kesalahan itu ialah ketua pegawai eksekutif, pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa kapasiti sedemikian, atau yang dalam apa-apa cara atau kepada apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dituduh secara berasingan atau bersama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu, melainkan jika, dengan mengambil kira sifat fungsinya atas kapasiti itu dan segala keadaan, dia membuktikan—
  - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
  - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan ketelitian yang wajar untuk mencegah perlakuan kesalahan itu.

### **Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmat**

**46.** Mana-mana orang yang boleh dikenakan apa-apa penalti di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan olehnya sendiri hendaklah dikenakan penalti yang sama jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmatnya melainkan jika dia membuktikan bahawa—

- (a) perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau pembiarannya; dan
- (b) dia telah mengambil segala langkah pencegahan yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang wajar untuk mengelakkan perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu.

### **Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengecualikan**

**47.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, jika didapati selaras dengan maksud Enakmen ini atau demi kepentingan kesihatan dan keselamatan awam, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Enakmen ini, atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, bagi apa-apa tempoh, dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri, dan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengubah atau menambah syarat-syarat yang ditentukan sedemikian.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, pada bila-bila masa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika ia berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi diperlukan.

### **Pengkompaunan kesalahan**

**48.** (1) Pengarah boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu dengan membayar kepada Pengarah suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.



(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1)—

- (a) tiada pendakwaan hendaklah dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat; dan
- (b) mana-mana unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain yang disita dari mana-mana ladang unggas boleh dilepaskan atau dilupuskan oleh Pengarah selepas mengambil kira jenis kesalahan dan keadaan unggas, kelengkapan, peranti, jentera, kenderaan, bahan atau benda lain mengikut terma dan syarat kompaun tersebut.

### **Pemulaan pendakwaan**

**49.** Tiada pendakwaan bagi, atau berhubung dengan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini, atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini hendaklah dimulakan kecuali oleh, atau dengan keizinan bertulis, Pendakwa Raya.

### **Pematuhan kepada undang-undang bertulis lain**

**50.** Pengeluaran apa-apa lesen di bawah Enakmen ini hendaklah tidak mengesahkan apa-apa perbuatan atau tindakan yang menghendaki permit, kebenaran atau kelulusan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain di mana pemegang lesen itu tidak dikecualikan daripada mematuhi kehendak undang-undang bertulis lain itu, berkenaan dengan permit, kebenaran atau kelulusan tertentu itu.

**Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang**

**51.** Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain hendaklah dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana pegawai yang diberi kuasa bagi, atau atas sebab, atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diperintahkan, atau yang dilakukan, bagi maksud melaksanakan Enakmen ini, jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan munasabah bahawa perbuatan itu perlu bagi memenuhi kehendak-kehendak Enakmen ini.

**Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**52.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) Penetapan semua perkara yang berhubungan dengan kehendak perancangan Sistem Penternakan Moden, zon penampan dan ladang unggas, termasuklah susun atur dan reka bentuk ladang unggas berhubungan dengan pengutipan, pengolahan, penyimpanan, pembuangan dan kumbahan sisa unggas;
- (b) Penetapan perkara lain yang berhubungan dengan Sistem Penternakan Moden, zon penampan dan ladang unggas, termasuklah kepadatan penstokan unggas bagi tiap-tiap hektar tanah atau ladang, mutu efluen dan darjah pengolahan atau teknologi yang mesti digunakan, susun atur perumahan, pembahagian ruangan, kemudahan minimum, kemudahan perlu dan perkara-perkara lain bagi melindungi alam sekitar dan kesihatan awam;
- (c) Penetapan tatacara, borang dan fi bagi maksud apa-apa permohonan, lesen atau prosiding di bawah Enakmen ini;

- (d) Penetapan semua perkara yang berhubungan dengan premis penyembelihan unggas, pemprosesan produk unggas dan produk sampingan daging unggas; dan
- (e) Peruntukan mengenai apa-apa perkara lain sebagaimana yang dimaksudkan oleh, atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya peruntukan Enakmen ini.

### **Penalti untuk peraturan-peraturan**

**53.** Apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini boleh memperuntukkan bagi apa-apa tindakan atau tinggalkan yang melanggar peraturan-peraturan itu sebagai suatu kesalahan, dengan peruntukan mengenai penalti denda yang tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Penyampaian dokumen**

**54.** (1) Penyampaian sesuatu dokumen kepada mana-mana orang hendaklah dilaksanakan dengan—

- (a) menghantar serah dokumen itu kepada orang itu, atau dengan menghantar serah dokumen itu kepada seseorang anggota keluarganya yang dewasa di tempat kediaman orang itu yang terakhir diketahui;
- (b) meninggalkan dokumen itu di tempat kediaman atau tempat perniagaan orang itu yang terakhir diketahui dalam suatu sampul yang dialamatkan kepada orang itu; atau
- (c) menghantar dokumen itu melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada orang itu di tempat kediamannya atau tempat perniagaannya yang terakhir diketahui.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) alamat kediaman atau perniagaan itu hendaklah berpandukan kepada alamat rasmi yang diberikan sebagai alamat dalam lesen yang dikehendaki di bawah Enakmen ini untuk tujuan penyampaian apa-apa dokumen menurut seksyen ini; dan

- (b) “dokumen” termasuklah notis, perintah atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

### **Peruntukan peralihan**

**55.** (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini, sedang mengendalikan atau menjalankan penternakan unggas hendaklah, dalam tempoh dua tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini, menaik taraf ladang unggasnya selaras dengan Sistem Penternakan Moden dan memohon untuk mendapatkan lesen di bawah seksyen 5.

(2) Apabila suatu permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, Pengarah hendaklah mengeluarkan perakuan penerimaan kepada orang itu.

(3) Apabila suatu permohonan lesen ditolak, Pengarah hendaklah menghantar suatu notis kepada pemohon memberitahu pemohon berhubung penolakan permohonan itu.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), notis itu juga hendaklah mengarahkan supaya pemohon itu menutup ladang unggas dan berhenti mengendalikan dan menjalankan penternakan unggas dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Mana-mana orang yang dirujuk dalam subseksyen (1) yang terkilan dengan keputusan Pengarah yang menolak permohonan lesen bagi menjalankan penternakan unggas boleh merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 17.

(6) Sementara menunggu keputusan permohonan, seseorang itu boleh terus mengendalikan atau menjalankan penternakan unggas dengan kebenaran bertulis Pengarah.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 19 Oktober 2020.

[VPP 04/31; PUNPP 352.100-1/1/46]

MAHESWARI A/P MALAYANDY  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Pulau Pinang*



# **LAWS OF THE STATE OF PENANG**

## **Enactment 23**

**POULTRY FARMING (STATE OF PENANG)  
ENACTMENT 2020**

Date of Royal Assent ... .. 26 November 2020

4. (1) Meterai Lembaga hendaklah mempunyai suatu tanda sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh Lembaga sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan “Lembaga Muzium (Negeri Pulau Pinang)” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai Lembaga.

(3) Meterai Lembaga hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan hendaklah disahkan oleh mana-mana dua orang ahli Lembaga yang diberi kuasa oleh Lembaga, atau oleh seorang ahli Lembaga dan Pengerusi.

(4) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai Lembaga dan disahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Meterai Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

**Fungsi Lembaga**

5. (1) Lembaga hendaklah mempunyai fungsi untuk—

(a) menguruskan Kumpulan Wang dan mentadbir, mengurus dan menyenggarakan Muzium Negeri Pulau Pinang mengikut peruntukan Enakmen ini, termasuk perbelanjaan untuk hal ehwal pengurusan sumber manusia seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

(b) menasihati Pihak Berkuasa Negeri tentang perkara yang berhubungan dengan pengoperasian Muzium Negeri Pulau Pinang; dan

- (c) menjalankan apa-apa fungsi dan menjalankan apa-apa kuasa lain serta mentadbir dan membelanjakan apa-apa suatu terimaan wang lain bagi apa-apa maksud yang mungkin diuntukkan atau diberi kepadanya secara khusus oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Lembaga hendaklah disifatkan sebagai menunaikan maksud-maksud Enakmen ini dan peruntukan-peruntukan Enakmen ini adalah terpakai bagi Lembaga berkenaan dengan fungsi-fungsi itu dan berkenaan dengan pentadbiran dan perbelanjaan wang itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), akaun bagi terimaan wang lain itu boleh disimpan secara berasingan dan berlainan dari akaun-akaun Kumpulan Wang.

### **Kuasa Lembaga**

6. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat untuk atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Lembaga hendaklah termasuk kuasa—

- (a) untuk menggunakan semua harta Lembaga mengikut apa-apa cara yang difikirkan suai manfaat oleh Lembaga termasuklah mendapatkan wang bagi maksud Kumpulan Wang dengan mensekuriti atau menggadai janji harta itu;
- (b) untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, mana-mana Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan perbadanan bagi maksud melaksanakan fungsi Lembaga;
- (c) tertakluk kepada apa-apa prosedur yang perlu dipatuhi oleh Lembaga, menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pertubuhan antarabangsa untuk menjalankan apa-apa aktiviti berkaitan muzium;
- (d) untuk menghendaki pengemukaan maklumat oleh mana-mana orang untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya;

- (e) untuk mewujudkan perjawatan dan pelantikan pekerja-pekerja bagi mengisi perjawatan itu, tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dan hendaklah tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan jika perjawatan itu untuk penggajian tetap dan berpencen, mengikut mana-mana keadaan; dan
  - (f) untuk memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pekerja Lembaga.
- (3) Bagi tujuan pengurusan muzium-muzium di bawah pengurusan Lembaga, Lembaga boleh, dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri—
- (a) menukar, menjual atau secara lain melupuskan mana-mana objek pendua kepunyaan Muzium;
  - (b) menukar, menjual atau secara lain melupuskan apa-apa benda kepunyaan Muzium yang pada pendapatnya adalah tidak layak untuk disimpan atau tidak dikehendaki bagi tujuan-tujuan benda-benda itu disimpan;
  - (c) menggunakan apa-apa wang yang diterima, sama ada hasil daripada penjualan atau daripada penukaran benda-benda, atau daripada pemberian, hadiah atau secara lain, untuk membeli apa-apa benda yang patut diperolehi oleh Muzium atau untuk tujuan-tujuan lain yang boleh memberi faedah kepada Muzium;
  - (d) meminjamkan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukannya apa-apa benda kepunyaan Muzium kepada mana-mana balai seni lukis, muzium atau pameran di Negeri-Negeri di Malaysia dan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri, kepada balai seni lukis, muzium atau pameran di luar negeri bagi tempoh yang difikirkan berpatutan;
  - (e) menganjurkan pameran-pameran mengenai karya-karya seni lukis oleh pelukis secara perseorangan atau secara kumpulan, badan-badan bona fide dan yayasan-yayasan dan menetapkan apa-apa terma dan syarat yang berhubungan dengan penganjuran itu; dan



(f) tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini, menjalankan tugas-tugas lain yang dianggap perlu atau mustahak demi kepentingan Muzium.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), Pengarah, dengan kebenaran Lembaga, boleh membuat apa-apa kenyataan bagi menentukan kesahihan sesuatu objek, peralatan atau fakta yang berkaitan dengan sejarah atau seni lukis yang digunakan dalam apa-apa aktiviti pameran atau penerbitan oleh mana-mana orang awam yang didapati salah, mengelirukan atau bertentangan dengan apa-apa bahan, peralatan atau fakta yang berada dalam kawalan muzium.

(5) Dalam menjalankan kuasa-kuasa di bawah subseksyen (4), Pengarah hendaklah tidak bertanggung dalam apa-apa kerugian yang ditanggung oleh pihak awam itu akibat daripada kenyataan yang dibuat di bawah subseksyen (4) itu.

### **Keahlian Lembaga**

7. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- (a) Seorang Pengerusi;
- (b) Tiga orang ahli-ahli atas jawatan yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri;
- (c) Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia atau wakilnya;
- (d) Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara atau wakilnya; dan
- (e) Tidak lebih daripada tujuh belas ahli-ahli lain.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), mana-mana orang yang mempunyai kepentingan urusan berkaitan bahan-bahan pameran dan seni lukis dengan pihak Lembaga ini hendaklah tidak dilantik menjadi ahli Lembaga.

(3) Tiada sesiapa pun layak untuk dilantik menjadi ahli Lembaga, jika dia mempunyai secara langsung atau secara tidak langsung, dengan sendirinya atau melalui perkongsiannya, apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Lembaga.

(4) Peruntukan-peruntukan dalam Jadual kepada Enakmen ini hendaklah terpakai bagi ahli-ahli Lembaga.

### **Jawatankuasa**

8. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya atau perjalanan kuasanya.

(2) Lembaga boleh memilih mana-mana ahli Lembaga atau mana-mana orang lain untuk menjadi pengerusi jawatankuasa.

(3) Ahli jawatankuasa boleh dilantik dalam kalangan ahli Lembaga atau mana-mana orang lain yang difikirkan layak oleh Lembaga.

(4) Seseorang ahli jawatankuasa yang bukan ahli Lembaga hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga dalam surat pelantikan ahli jawatankuasa itu dan hendaklah layak untuk dilantik semula.

(5) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana ahli jawatankuasa yang bukan ahli Lembaga.

(6) Seseorang ahli jawatankuasa yang bukan ahli Lembaga boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada Pengerusi.

(7) Lembaga hendaklah mempunyai budi bicara pada bila-bila masa untuk memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.

(8) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(9) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya—

(a) minit semua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Pengerusi dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(10) Apa-apa minit mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah, jika ditandatangani sewajarnya oleh pengerusi sesuatu jawatankuasa, diterima sebagai keterangan mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu dalam mana-mana prosiding undang-undang, dan tiap-tiap mesyuarat yang minitnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ahli dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(11) Ahli jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(12) Sesuatu jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(13) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa oleh Lembaga.

### **Ahli sementara Lembaga**

**9.** Jika Pengerusi atau mana-mana ahli Lembaga lain tidak berada dalam Malaysia buat sementara waktu atau tidak berkeupayaan buat sementara waktu kerana sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup, dari menjalankan kewajipannya, Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik mana-mana orang sebagai Pengerusi sementara atau ahli sementara Lembaga.

**Penyata, laporan, akaun dan maklumat**

**10.** (1) Lembaga hendaklah memberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat sebagaimana dikehendaki atau diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa berkenaan dengan harta dan kegiatan-kegiatan Lembaga.

(2) Tanpa menyentuh keluasan peruntukan-peruntukan subseksyen (1), Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas berakhir tiap-tiap satu tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu laporan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Lembaga dalam masa tahun kewangan yang lalu dan mengikut apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat berhubung dengan prosiding dan dasar Lembaga sebagaimana yang dinyatakan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Ketua Menteri hendaklah mengemukakan suatu laporan itu dibentang di Dewan Undangan Negeri.

**BAHAGIAN III****PENGARAH, PEGAWAI DAN PENJAWAT LEMBAGA****Pengarah Muzium**

**11.** (1) Lembaga hendaklah, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, melantik seorang Pengarah Muzium atas apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Lembaga.

(2) Pengarah Muzium hendaklah seorang yang—

(a) mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman—

(i) dalam mana-mana bidang sosiologi, antropologi, sejarah, kaji purba, zoologi, sastera, seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, permuziuman, konservasi atau dalam bidang berkaitan yang diiktiraf

oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (ii) dalam bidang permuziuman yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (b) tidak pernah memegang sesuatu jawatan yang dipertanggungjawabkan dengan pengurusan sesuatu syarikat yang telah disabitkan atas kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis semasa tempoh jawatannya melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau keizininannya dan dia tidak dapat menghalang kesalahan itu;
- (c) tidak pernah memegang sesuatu jawatan yang dipertanggungjawabkan dengan pengurusan mana-mana syarikat yang semasa tempoh jawatannya—
- (i) telah ingkar membayar apa-apa jumlah wang penghakiman terhadap syarikat itu;
  - (ii) telah menggantung pembayaran kepada atau telah membuat penyelesaian dengan, pemiutang-pemiutang syarikat itu; atau
  - (iii) telah dilantik berkenaan dengan harta syarikat itu seorang penerima atau pengurus;
- (d) bersedia bagi pekerjaan sepenuh masa, dan tidak boleh menjalankan apa-apa perniagaan atau pekerjaan lain, kecuali sebagai pengarah bukan eksekutif atau pemegang saham syarikat lain;
- (e) tidak pernah menimbulkan situasi percanggahan kepentingan dengan Lembaga, yang disebabkan oleh dirinya sendiri atau melalui saudaranya; dan

(f) tidak pernah bertindak mengikut cara yang boleh menimbulkan keraguan terhadap kelayakannya untuk memegang jawatan sebagai Pengarah Muzium, atau bertindak dengan tidak mengambil kira secara terang-terangan kelakuan profesional yang sepatutnya.

(3) Pengarah Muzium hendaklah—

(a) mempunyai apa-apa kuasa dan kewajipan sebagaimana yang diberikan atau dipertanggungkan ke atasnya oleh Lembaga;

(b) bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal hari ke hari Lembaga;

(c) mempunyai kawalan am ke atas pekerja Lembaga; dan

(d) bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga dalam menunaikan kewajipannya.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5), Lembaga boleh melantik secara sementara mana-mana pekerja Lembaga untuk bertindak sebagai Pengarah Muzium bagi tempoh semasa—

(a) kekosongan perjawatan Pengarah Muzium;

(b) Pengarah Muzium—

(i) tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau

(ii) atas apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

(5) Lembaga hendaklah mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri jika pelantikan di bawah subseksyen (4) adalah untuk tempoh lebih daripada enam bulan.

(6) Pengarah hendaklah merupakan seorang pekerja Lembaga.

(7) Pengarah hendaklah dibayar apa-apa saraan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

### **Pelantikan Kurator**

**12.** (1) Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, Lembaga boleh melantik beberapa orang kurator di bawah suatu kontrak perkhidmatan, atau kontrak untuk perkhidmatan, untuk melaksanakan semua program, skim atau projek yang telah diluluskan oleh Lembaga di bawah kawalan dan arahan Pengarah Muzium.

(2) Kurator yang dilantik hendaklah mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman—

- (a) dalam mana-mana bidang sosiologi, antropologi, sejarah, kaji purba, zoologi, sastera, seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, permuziuman, konservasi atau dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (b) dalam bidang permuziuman yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

### **Pelantikan pekerja-pekerja lain**

**13.** (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 14, Lembaga boleh melantik mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana difikirkan perlu oleh Lembaga beberapa orang pekerja lain yang perlu bagi menjalankan maksud-maksud Enakmen ini.

(2) Tiada seseorang pun layak untuk diambil kerja sebagai pekerja Lembaga, jika dia mempunyai secara langsung atau secara tidak langsung, dengan sendirinya atau melalui perkongsiannya, apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Lembaga.

(3) Seseorang pekerja Lembaga yang mempunyai atau memperolehi sesuatu syer atau kepentingan tersebut boleh, menurut budi bicara Lembaga, ditamatkan perkhidmatannya.

**Peraturan-peraturan berkenaan dengan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan penjawat**

**14.** (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawatnya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Lembaga mempunyai kuasa untuk—

- (a) menentukan syarat-syarat perkhidmatan pekerjaanya;
- (b) menetapkan apa-apa dasar berhubung tata tertib dan melaksanakan kawalan tata tertib terhadap semua pekerjaanya; dan
- (c) mengadakan peraturan-peraturan mengenai kelakuan dan tata tertib pekerjaanya.

(3) Peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah seksyen ini boleh termasuk—

- (a) peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa tata tertib yang sesuai dan tatacara yang hendaklah dipatuhi;
- (b) peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa rayuan tata tertib untuk mendengar rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tata tertib dan tatacara yang hendaklah dipatuhi; dan
- (c) peruntukan bagi—
  - (i) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau
  - (ii) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain, seseorang pekerja Lembaga sementara menunggu prosiding tata tertib selesai.



(4) Peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah seksyen ini boleh mewujudkan apa-apa kesalahan tata tertib dan mengadakan peruntukan mengenai apa-apa hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja dan penurunan pangkat.

(5) Peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan tatacara untuk prosiding tata tertib, memberi pekerja Lembaga yang prosiding tata tertib diambil terhadapnya peluang untuk membuat representasi sebelum suatu keputusan dibuat oleh jawatankuasa tata tertib mengenai pertuduhan tata tertib yang dibuat terhadap pekerja itu.

(6) Walau apa pun seksyen ini, Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tata tertib Dan Surcaj) (Pulau Pinang) 2001 [*En. 2/2001*] hendaklah terpakai, kecuali dan sehingga Perbadanan ini dikecualikan daripada Enakmen tersebut.

(7) Apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1), atau yang diterima pakai menurut subseksyen (6), oleh Lembaga hendaklah dibuat pemberitahuan kepada semua pekerja.

#### BAHAGIAN IV

#### KEWANGAN

### **Penubuhan Kumpulan Wang**

**15.** (1) Bagi maksud-maksud Enakmen ini, maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Kumpulan Wang yang akan ditadbir dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang hendaklah mengandungi—

- (i) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud itu oleh Dewan Undangan Negeri;
- (ii) apa-apa wang yang diuntukkan dari semasa ke semasa kepada Lembaga daripada Kumpulan Wang Pinjaman;

- (iii) wang yang didapati dari menjalankan apa-apa projek, skim atau enterprais yang dibiayai dari Kumpulan Wang;
- (iv) wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak hak pada Lembaga;
- (v) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak hak pada Lembaga;
- (vi) jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud menjelaskan mana-mana daripada obligasinya atau menjalankan mana-mana daripada kewajipannya; dan
- (vii) segala wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara pun kena dibayar kepada atau terletak hak pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya.

(3) Dalam seksyen ini maksud “kumpulan wang pinjaman” ertinya apa-apa jumlah wang yang boleh diadakan dari semasa ke semasa bagi Kerajaan Negeri sebagai pinjaman.

### **Perbelanjaan hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang**

**16.** (1) Kumpulan Wang hendaklah digunakan bagi maksud-maksud—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan di bawah Enakmen ini;
- (b) memberi pinjaman di bawah seksyen 28;

- (c) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga, termasuk bayaran ukur, guaman dan bayaran-bayaran lain dan saraan bagi pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat yang dilantik dan diambil kerja oleh Lembaga, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran;
- (d) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau dipersetujui dengan sepatutnya oleh Lembaga dalam melaksanakan kewajipannya atau menjalankan fungsinya di bawah seksyen 5; dan
- (e) amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Kumpulan Wang boleh digunakan untuk apa-apa perbelanjaan yang diputuskan oleh Lembaga, termasuk—

- (a) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam atau menyelesaikan hutang, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga;
- (b) membayar elaun dan perbelanjaan lain kepada ahli Lembaga dan jawatankuasa, dan mana-mana orang yang diundang ke mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa;
- (c) untuk pelaburan di bawah seksyen 26;
- (d) membayar belanja, kos atau perbelanjaan berhubung dengan pemerolehan barang dan perkhidmatan, termasuk pengambilan ejen dan penasihat, fi dan kos guaman serta fi dan kos lain yang ditanggung atau diterima dengan sewajarnya oleh Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya dan perjalanan kuasanya;
- (e) membeli atau menyewa peralatan, jentera dan apa-apa bahan lain, mendapatkan tanah dan apa-apa harta, dan mendirikan bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam pelaksanaan fungsi Lembaga atau perjalanan kuasa Lembaga; dan

- (f) membayar belanja atau wang yang diperlukan untuk menunaikan apa-apa penghakiman, keputusan atau award oleh mana-mana mahkamah atau tribunal terhadap Lembaga, atau mana-mana ahli Lembaga atau jawatankuasa, atau mana-mana pekerja atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan dalam pelaksanaan fungsi Lembaga atau penjalanan kuasa Lembaga.

### **Perbelanjaan dan menyediakan anggaran**

17. (1) Pengarah hendaklah membentangkan di hadapan Lembaga suatu anggaran perbelanjaan Lembaga termasuk perbelanjaan modal bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir yang ditentukan oleh Lembaga, menurut apa-apa peraturan kewangan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

(2) Sesalinan anggaran yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dihantar kepada setiap ahli Lembaga tidak lewat daripada empat belas hari sebelum mesyuarat untuk membentangkan anggaran itu diadakan.

(3) Perbelanjaan Lembaga hingga sebanyak yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(4) Tertakluk kepada apa-apa arahan berkenaan pembentangan perancangan pembangunan untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan) bagi tahun yang berikutnya mengikut apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir sebagaimana diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), sebelum permulaan tahun yang berikutnya itu, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberitahu Lembaga mengenai amaun yang dibenarkan untuk perbelanjaan amnya atau mengenai amaun yang dibenarkan bagi tiap-tiap satu jenis perbelanjaan.

(6) Lembaga boleh, pada bila-bila masa mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan kesemua atau sebahagian daripada perbelanjaan tambahan yang dimasukkan dalam anggaran tambahan itu.

### **Pengimbangan akaun hasil**

**18.** Maka adalah menjadi kewajipan Lembaga bagi memelihara Kumpulan Wang dengan menjalankan dan menyempurnakan kuasa-kuasa, fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipannya di bawah Enakmen ini supaya jumlah hasil Lembaga cukup untuk membayar semua jumlah yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk, tanpa menyentuh keluasan ungkapan itu, peruntukan-peruntukan berkenaan obligasi-obligasinya di bawah seksyen-seksyen 16 dan 17 dan kesusutan dan faedah atas modal, dari setahun ke setahun.

### **Kumpulan wang rizab**

**19.** Lembaga hendaklah menubuh dan menguruskan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang.

### **Penubuhan akaun amanah**

**20.** Walau apa pun peruntukan di bawah Enakmen ini, Lembaga boleh mewujudkan suatu akaun amanah yang berhubungan secara khusus dengan penerimaan sumbangan daripada mana-mana badan atau individu bagi tujuan untuk memperoleh apa-apa benda yang patut diperolehi oleh Muzium atau untuk tujuan-tujuan lain yang boleh memberi faedah kepada Muzium.

### **Akaun dan audit**

**21.** (1) Lembaga hendaklah menyimpan akaun-akaun dan rekod-rekod lain yang sempurna mengenai perjalanannya dan hendaklah menyediakan penyata bagi akaun-akaunnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

(2) Akaun Lembaga hendaklah diaudit tiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara.

(3) Selepas berakhir tiap-tiap satu tahun kewangan dan sebaik sahaja akaun-akaun Lembaga diaudit, Lembaga hendaklah menyebabkan satu salinan penyata akaun itu dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara di bawah subseksyen (2) mengenai mana-mana penyata atau mengenai akaun-akaun Lembaga.

(4) Ketua Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan tiap-tiap penyata dan pandangan dibentang di Dewan Undangan Negeri.

### **Kuasa untuk menubuhkan atau memperoleh Syarikat Yang Diperbadankan**

22. Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menubuhkan atau mendapatkan apa-apa perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*] yang perlu bagi maksud mendapatkan dana, dengan syarat bahawa perbadanan yang ditubuhkan atau didapatkan oleh Lembaga sedemikian dilarang daripada menubuhkan subsidiari perbadanan.

### **Kuasa Lembaga mengenakan bayaran perkhidmatan**

23. Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengenakan bayaran-bayaran dalam hal-hal yang ditentukan oleh Lembaga.

## BAHAGIAN V

### KUASA-KUASA LAIN LEMBAGA

#### **Perwakilan kuasa Lembaga**

24. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut, Lembaga boleh mewakilkan kepada Pengerusi, Pengarah, Kurator atau mana-mana orang lain dengan kuasa untuk menjalankan bagi pihaknya apa-apa kuasa, kewajipan atau fungsi yang diletakhakkan atau dipertanggungjawabkan pada Lembaga oleh Enakmen ini sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, kecuali kuasa untuk meminjam wang, mendapatkan pinjaman atau membuat peraturan-peraturan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), apa-apa kuasa atau fungsi yang diwakilkan sedemikian boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh Pengerusi, Pengarah, Kurator atau mana-mana orang lain, mengikut mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(3) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), Lembaga boleh mewakilkan kepada Pengerusi atau mana-mana ahlinya atau pegawai Lembaga kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau mana-mana wang lain di bawah kawalan Lembaga hingga setakat yang dinyatakan oleh Lembaga.

(4) Mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(5) Perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Lembaga daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu pada bila-bila masa.

### **Kuasa meminjam**

**25.** Lembaga boleh, dari semasa ke semasa meminjam, atas apa-apa kadar faedah dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi menjalankan mana-mana kewajipannya.

### **Pelaburan**

**26.** (1) Kumpulan Wang boleh, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Enakmen ini, dilaburkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengikut cara yang berikut:

(a) Dengan menyimpan di—

(i) Bank Negara Malaysia;

(ii) bank berlesen atau bank pelaburan berlesen yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*]; atau

- (iii) bank Islam berlesen yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] tetapi tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen; dan

(b) Dengan melabur dalam—

- (i) urus niaga sekuriti yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- (ii) urus niaga sekuriti yang dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- (iii) urus niaga sekuriti yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia; atau
- (iv) urus niaga sekuriti yang dijamin sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia.

(2) Aset-aset Lembaga, setakat mana yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Enakmen ini, hendaklah dilaburkan mengikut cara yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

### **Kuasa untuk mengambil kerja ejen-ejen, dsb.**

27. Lembaga boleh mengambil kerja atau membayar ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknik termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, broker saham, juruukur atau penilai atau orang-orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan pada melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud-maksud Enakmen ini dengan cara yang lebih baik.

### **Kuasa untuk memberi pinjaman**

28. Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, Lembaga boleh memberi pinjaman, dan pinjaman itu boleh diberi tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang disifatkan oleh Lembaga, patut dikenakan dalam hal-hal tertentu.



**Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk memberikan arahan**

29. Pihak Berkuasa Negeri boleh memberikan kepada Lembaga apa-apa arahan yang selaras dengan Enakmen ini yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa Lembaga dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan itu.

BAHAGIAN VI

PENGELOLAAN AKTIVITI MUZIUM

**Kuasa untuk mengelola aktiviti muzium**

30. (1) Mana-mana orang yang hendak—

- (a) membuka apa-apa muzium;
- (b) menjalankan aktiviti-aktiviti muzium secara persendirian atau untuk tujuan komersial; atau
- (c) menggunakan nama muzium dalam penjenamaan aktivitinya,

hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Mana-mana orang yang didapati melakukan perbuatan bertentangan dengan subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, jika sabit kesalahan, dikenakan hukuman penjara tidak lebih daripada dua tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

**Pengecualian pemakaian**

31. Walau apa pun seksyen 30, Enakmen ini hendaklah tidak terpakai bagi—

- (a) mana-mana muzium persendirian yang telah beroperasi secara sah menurut mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan aktiviti komersial yang dijalankan oleh muzium persendirian itu sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa; dan

- (b) mana-mana muzium yang ditubuhkan atau dikendalikan oleh jabatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan muzium yang dikendalikan untuk tujuan kebajikan dan tidak berasaskan keuntungan.

## BAHAGIAN VII

## AM

**Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

32. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, penjawat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya, mengikut mana yang berkenaan, atas sifatnya yang demikian itu.

**Ahli, dsb., disifatkan sebagai penjawat awam**

33. Semua ahli Lembaga, mana-mana pegawai, penjawat atau ejen Lembaga, dalam masa menunaikan kewajipan-kewajipan mereka atau menjalankan tugas-tugas atau kuasa-kuasa mereka hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan [*N.M.B Bab 45*].

**Melupuskan benda-benda setelah Lembaga dibubarkan**

34. Jika Lembaga dibubarkan—

- (a) Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia hendaklah diberi keutamaan untuk membeli barang-barang pameran; dan
- (b) Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara hendaklah diberi keutamaan untuk membeli bahan seni lukis,

kepunyaan Muzium.

**Obligasi menyimpan rahsia**

**35.** (1) Kecuali bagi maksud Enakmen ini atau apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Lembaga, tiada ahli Lembaga atau jawatankuasa, atau mana-mana pekerja atau ejen Lembaga, atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa, atau mana-mana orang lain yang atas apa-apa sebab mempunyai, melalui apa-apa cara, akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Lembaga boleh memberikan, membuka, mendedahkan atau selainnya menzahirkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Perwakilan dalam prosiding sivil**

**36.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

(a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Lembaga; atau

(b) dalam mana-mana prosiding sivil yang lain yang dalamnya Lembaga dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau untuk didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau untuk didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga bagi maksud itu boleh, bagi pihak Lembaga, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan segala perbuatan yang berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Lembaga.

**Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**37.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat apa-apa peraturan yang bermanfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dengan cara yang lebih baik.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan di bawah subseksyen itu boleh dibuat bagi—

- (a) menetapkan cara bagaimana dokumen, cek-cek dan surat cara-surat cara dari apa-apa jenis hendaklah ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Lembaga;
- (b) menetapkan cara dan terma-terma dan syarat-syarat di mana pinjaman boleh diberi oleh Lembaga di bawah seksyen 28; dan
- (c) mengadakan peraturan secara am mengenai penjalanan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya di bawah peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(3) Peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) menetapkan bahawa apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang melanggar peruntukannya adalah menjadi satu kesalahan; dan
- (b) mengadakan peruntukan bagi mengenakan penalti kerana kesalahan-kesalahan itu yang mana penalti-penalti itu tidak boleh lebih daripada seribu ringgit atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan.

**Kuasa untuk meminda Jadual**

**38.** Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah, membatalkan, mengubah atau meminda Jadual.

### **Mengesahkan perbuatan-perbuatan**

**39.** Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Lembaga pada menyediakan dan bagi melaksanakan yang sepatutnya akan mana-mana daripada peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya, menjangka bahawa Enakmen ini akan diisytiharkan, hendaklah disifatkan sebagai diberi kuasa oleh Enakmen ini dan segala hak dan tanggungan yang diperolehi atau dikenakan bagi pihak Lembaga dari apa-apa perkara atau apa-apa perbelanjaan yang dilakukan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai hak dan tanggungan Lembaga apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa.

### **Kecualian dan peralihan**

**40.** (1) Apa-apa permohonan, kelulusan, arahan, keputusan, syor, spesifikasi, notis atau perbuatan atau perkara lain yang dikeluarkan, dibuat atau dilakukan di bawah Enakmen yang dimansuhkan dan berkuat kuasa atau mempunyai kesan sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan, hendaklah disifatkan telah dikeluarkan, dibuat atau dilakukan di bawah Enakmen ini, dan hendaklah terus kekal berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa berhubung dengan orang yang baginya ia terpakai sehingga dipinda atau digantikan.

(2) Apa-apa permohonan, kelulusan atau keputusan di bawah Enakmen yang dimansuhkan yang belum selesai sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, diuruskan oleh Lembaga di bawah Enakmen ini.

(3) Pemansuhan Enakmen yang dimansuhkan mahupun apa-apa yang terkandung dalam Enakmen ini tidak akan menjejaskan liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen yang dimansuhkan sebelum tarikh yang ditetapkan, atau apa-apa prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan sebelum tarikh itu berhubung dengan kesalahan itu.

(4) Tertakluk kepada Enakmen ini, mana-mana prosiding sama ada sivil atau jenayah, atau kausa tindakan oleh atau terhadap Kerajaan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan,

yang belum selesai atau yang sedia ada sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan berhubung dengan Enakmen yang dimansuhkan, boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga sebagaimana ia diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Kerajaan atau orang itu seolah-olah Enakmen ini tidak diperbuat.

(5) Apa-apa rayuan yang dibuat atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas tarikh yang ditetapkan terhadap suatu keputusan yang diberikan dalam apa-apa prosiding undang-undang yang Kerajaan menjadi pihak berhubung dengan Enakmen yang dimansuhkan sebelum tarikh yang ditetapkan, boleh dibuat oleh atau terhadap Lembaga.

## **Pemansuhan**

**41.** Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, 1972 [*En. 3/1972*] adalah dimansuhkan.

### JADUAL

[Subseksyen 7(4)]

## **Terma-terma dan syarat-syarat pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan**

1. (1) Seseorang ahli Lembaga hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat mengikut sebagaimana yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam surat cara pelantikannya.

(2) Pelantikan seseorang ahli boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri tanpa memberi apa-apa sebab.

(3) Seseorang ahli boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat yang dialamatkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(4) Seseorang ahli hendaklah menumpukan masanya kepada hal-ehwal Lembaga sebanyak yang perlu bagi menjalankan kewajipan-kewajipannya.

## **Mengosongkan jawatan**

2. (1) Jawatan seseorang ahli Lembaga hendaklah dikosongkan—

(a) jika telah dibuktikan terhadap ahli itu, atau ahli itu telah disabitkan atas sesuatu pertuduhan mengenai mana-mana kesalahan yang boleh dikenakan hukuman penjara (hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun dan ia tidak mendapat pengampunan;

- (b) jika ahli itu menjadi bankrap;
- (c) jika ahli itu tidak sempurna akal atau kerana apa-apa sebab lain tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipannya;
- (d) jika ahli itu merupakan seorang pegawai awam yang menjadi ahli Lembaga atas merit perjawatannya yang disandang, telah diarahkan bertukar ke perjawatan lain;
- (e) jika peletakan jawatan ahli itu diterima oleh Pihak Berkuasa Negeri; atau
- (f) jika pelantikannya dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Jika seseorang ahli itu terhenti menjadi ahli oleh sebab mana-mana peruntukan Enakmen ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut Enakmen ini.

#### **Saraan dan elaun**

3. Maka hendaklah dibayar kepada ahli-ahli Lembaga atau mana-mana orang lain apa-apa gaji, saraan atau elaun mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

#### **Mesyuarat-mesyuarat**

4. (1) Lembaga hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya dua kali setahun pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Semua mesyuarat Lembaga hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau, semasa ketiadaan Pengerusi, oleh mana-mana ahli Lembaga sebagaimana diarahkan oleh Pengerusi.

(3) Kuorum mesyuarat Lembaga ialah lima orang dan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya—

- (a) dua orang ahli Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 7(1)(b), tidak termasuk Timbalan Pengerusi jika mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi; dan
- (b) seorang ahli Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 7(1)(e).

(4) Keputusan Lembaga hendaklah diterima pakai melalui undi majoriti mudah ahli yang hadir dan mengundi, dan dalam hal bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(5) Apa-apa minit mesyuarat Lembaga hendaklah, apabila ditandatangani sewajarnya oleh Pengerusi, diterima sebagai keterangan mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu dalam mana-mana prosiding undang-undang dan tiap-tiap mesyuarat yang minitnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ahli dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(6) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya minit semua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(7) Sesuatu ketetapan dikira sebagai telah diluluskan—

(a) pada sesuatu mesyuarat Lembaga, jika semua ahli Lembaga telah dimaklumkan mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memaklumkan semua ahli Lembaga mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; atau

(b) tanpa bermesyuarat, jika semua ahli Lembaga memberikan persetujuan dengan ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Lembaga.

(8) Perenggan (7) terpakai hanya jika Lembaga—

(a) memutuskan bahawa perenggan itu terpakai; dan

(b) memutuskan kaedah yang dengannya ahli Lembaga boleh menandakan persetujuan dengan ketetapan itu.

(9) Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri.

#### **Lembaga boleh mengundang orang-orang lain menghadiri mesyuarat**

5. Lembaga boleh meminta sesiapa jua (yang bukan ahli Lembaga) menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatkannya atas apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi sesiapa yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan tersebut.

#### **Menzahirkan kepentingan**

6. Seseorang ahli Lembaga yang ada mempunyai secara langsung atau secara tidak langsung, dengan sendirinya atau melalui isterinya, anaknya atau melalui pekongsinya, apa-apa kepentingan dalam sesuatu syarikat atau usaha yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat sesuatu kontrak atau yang ada mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan kepada Lembaga hal dan jenis kepentingannya itu, dan apa-apa yang dizahirkan itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga, dan melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, ahli itu tidak boleh mengambil apa-apa bahagian dalam apa-apa perbincangan atau keputusan Lembaga berhubung dengan kontrak itu.

#### **Keesahan perbuatan dan prosiding**

7. Tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan atau tiada apa-apa prosiding yang dibawa di bawah Enakmen ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

(a) ada sesuatu kekosongan dalam keahlian atau apa-apa kecacatan dalam keahlian Lembaga;



- (b) ada sesuatu pelanggaran oleh seseorang ahli Lembaga akan peruntukan-peruntukan perenggan 6; atau
- (c) ada sesuatu ketinggalan, kecacatan atau luar aturan yang tidak menjejaskan merit kes yang berkenaan itu.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 19 Oktober 2020.

[LMNPP.PP/200/036; PUNPP 352/100/1/1/49]

MAHESWARI A/P MALAYANDY  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Pulau Pinang*





# **LAWS OF THE STATE OF PENANG**

## **Enactment 24**

**MUSEUM BOARD (STATE OF PENANG)  
ENACTMENT 2020**

Date of Royal Assent ... .. 26 November 2020

Date of publication in the *Gazette* ... .. 31 December 2020

Publisher's Copyright ©

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Appointed Printer to the Government of Malaysia)**.

**LAWS OF THE STATE OF PENANG****Enactment 24****MUSEUM BOARD (STATE OF PENANG)  
ENACTMENT 2020**

---

**ARRANGEMENT OF SECTIONS**

---

**PART I****PRELIMINARY**

## Section

1. Short title and commencement
2. Interpretation

**PART II****MUSEUM BOARD (STATE OF PENANG)**

3. Establishment of the Board
4. Common seal of the Board
5. Functions of the Board
6. Powers of the Board
7. Membership of the Board
8. Committee
9. Temporary members of the Board
10. Returns, reports, accounts and information

**PART III****DIRECTOR, OFFICERS AND SERVANTS OF THE BOARD**

11. Director of the Museum
12. Appointment of Curator

## Section

13. Appointment of other employees
14. Regulations governing terms and conditions of service of officers and servants

## PART IV

## FINANCE

15. Establishment of the Fund
16. Expenses to be charged on the Fund
17. Expenditure and preparation of estimates
18. Balancing of revenue account
19. Reserve fund
20. Establishment of trust fund
21. Account and audit
22. Power to establish or acquire Corporation
23. Power of the Board to charge for payment of service

## PART V

## OTHER POWERS OF THE BOARD

24. Delegation of powers of the Board
25. Power to borrow
26. Investment
27. Power to employ agents, *etc.*
28. Power to make loans
29. Power of the State Authority to give directions

## PART VI

## SUPERVISION OF THE MUSEUM ACTIVITY

30. Power to supervise the activity of museum
31. Exemption of application

PART VII

GENERAL

Section

32. Application of Public Authorities Protection Act 1948
33. Members, *etc.* deemed to be public servants
34. Disposal of objects on dissolution of the Board
35. Obligation of secrecy
36. Representation in civil proceedings
37. Power to make regulations
38. Power to amend Schedule
39. Validation of acts
40. Saving and transitional
41. Repeal

SCHEDULE





**LAWS OF THE STATE OF PENANG****Enactment 24****MUSEUM BOARD (STATE OF PENANG)  
ENACTMENT 2020**

